

Nama:

Tarikh:

BAHASA MELAYU TAHUN 5

TEMA 5: JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN UNIT 14: SAYANGI MALAYSIA

Tajuk: Uniknya Muzium Mini

Arahan: Rujuk **buku teks halaman 107**. Lengkapkan dialog di bawah dengan menyeret nombor jawapan.

Semasa di kampung, Afifi dibawa oleh datuknya ke muzium mini yang diusahakan oleh penduduk kampung.

1	gambar-gambar	tokoh-tokoh	3
2	cantik-cantik	lagu-lagu	4



Afifi: Wah, sungguh kreatif penduduk di kampung ini!

Datuk: Betul, Afifi. Pembinaan muzium mini ini hasil usaha mereka secara sukarela. Rumah ini ialah sumbangan penduduk. Bendera-bendera di sekeliling sudut pameran sumbangan daripada pelbagai pihak. Para pelajar institusi pengajian tinggi pula gigih menghias muzium ini.

Afifi: Barang-barang di sini juga menarik dan tersusun.

Datuk: Ya, Afifi. Barang-barang lama seperti hiasan rumah, pinggan mangkuk, kraf tangan, duit dan setem lama serta perabot antik diletakkan di situ.

Afifi: Di sana pula, Afifi melihat alat kegunaan harian dan senjata lama dipamerkan. Tentu alat-alat itu mempunyai nilai sejarah yang tinggi.

Datuk: Sudah tentu, Afifi. Peminat barangan lama tentu terpegun apabila melihat pameran-pameran barangan yang diletakkan di dalam rak berkaca itu.

Afifi: Wah, itu potret  yang berjasa kepada negara!  dan berseni sungguh potret itu.  monumen itu pula ada nilai kreatifnya. Tentu jurufotonya seorang yang hebat. Datuk, mengapakah muzium mini ini ditubuhkan?

Datuk: Muzium ini akan menceritakan cara dan resam hidup orang dahulu kepada generasi baharu seperti Afifi, sekali gus menanamkan sikap patriotik.

Afifi: Oh, begitu! Seronoknya, ada juga  patriotik berkumandang sebagai halwa telinga kita.



Munculi Cilik

